



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**PENAMPAKAN CAHAYA TERANG DILAPORKAN DI RUANG UDARA
SABAH**

PUTRAJAYA, 7 JUN 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Bahagian Penguasa Angkasa (BPAngkasa) mengesahkan telah menerima maklumat awal mengenai laporan penampakan cahaya terang di ruang udara Sabah pada malam 4 Jun 2026 (Khamis). Setakat ini, tiada laporan rasmi mengenai penemuan sebarang serpihan objek disyaki objek angkasa seperti roket di darat atau perairan. Pemantauan sedang dijalankan secara aktif oleh BPAngkasa dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan.

Orang awam dinasihatkan agar tidak menyentuh sebarang objek mencurigakan dan segera melaporkan kepada pihak berkuasa atau talian kecemasan 999 atau terus kepada BPAngkasa di talian 03-8885 8685 atau e-mel kepada bpadg@mosti.gov.my. MOSTI juga menyeru orang ramai untuk tidak membuat sebarang spekulasi dan mendapatkan maklumat yang sahih daripada saluran rasmi. Sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
7 JUN 2026

